

SOALAN-SOALAN LISAN

PERSIDANGAN KELIMA MESYUARAT KEDUA, TAHUN KEEMPAT DEWAN NEGERI YANG KEEMPAT BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI KHAMIS, 16 DISEMBER 2021

1. YB ENCIK MOHD ZAIDI BIN AZIZ (SLIM)

Ketika berlakunya bencana seperti kebakaran, banjir, tanah runtuh, dan pokok tumbang menghempap rumah. Apakah bentuk bantuan yang akan diberikan kepada mangsa yang terlibat dan berapa lamakah bantuan akan diterima oleh mangsa?

2. YB ENCIK MASLIN SHAM BIN RAZMAN (BUKIT CHANDAN)

Di sepanjang laluan jalan dari Sayong ke Tanjung Belanja, terdapat Lima buah jambatan sempit yang perlu dilalui. Dua daripadanya telah pun selesai di lebarkan. Terdapat Tiga lagi jambatan sempit yang perlu dilebarkan, iaitu di Sungai Senggang dan Dua buah jambatan merentasi Sungai Bekor.

Adakah kerajaan bercadang untuk menyegerakan kerja pelebaran Jambatan ini, khusus Jambatan di Sungai Senggang yang sempit dan jalannya berselekoh tajam dalam masa terdekat ini?

3. YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZUMU (CHENDERIANG)

Kadar Pengangguran

Kadar pengangguran di Perak semakin membimbangkan bila mana anggaran jumlah pengangguran pada tahun 2020 sebanyak 53,000 (4.8%) berbanding sekitar 36,000 (3.9%) pada tahun sebelumnya. Justeru, apakah inisiatif jangka masa panjang yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi membendung masalah ini daripada terus meningkat?

4. YB PUAN JAMILAH BINTI ZAKARIA (TRONG)

Apakah perancangan jangka masa panjang dan jangkamasa pendek Jabatan Perikanan untuk memastikan habitat hidupan laut didalam kawasan Trong ini tidak berkurangan?

- a) Adakah membina unjun atau tuas didalam kawasan perairan sekitar DUN Trong telah berada didalam perancangan Jabatan Ikan?
- b) Sekiranya terdapat perancangan, adakah bilangan dan jangkamasa menyediakan item tersebut serta lokasi yang sesuai telah di bincangkan?

5. YB DATUK HAJI KHAIRUDDIN BIN TARMIZI (HUTAN MELINTANG)

PROGRAM BAIKPULIH JALAN-JALAN KAMPUNG/ PERHUBUNGAN DESA

- a) Adakah program/ projek tersebut diteruskan pada tahun hadapan (2022)

6. YB DR. MUHD FADHIL BIN NURUDDIN (KAMUNTING)

Setiap hari Majlis Perbandaran Taiping membuang sekitar 450 ton sisa pepejal ke tapak pelupusan di Jebong Matang.

1. Apakah perancangan Kerajaan untuk mengatasi masalah tapak pelupusan ini yang telah luput tempuh hayatnya?
2. Apakah kerajaan tidak berhasrat membangunkan initiatif "waste-to-energy" iaitu menjana elektrik boleh diperbaharui melalui penggunaan sisa pepejal?

**7. YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABD KADIR
(*PANGKOR*)**

Masalah pembinaan Jalan Batu 3 Segari sudah memakan masa yang lama. Apakah disebabkan kegagalan kontraktor yang dipilih? Bilakah masalah ini dapat diselesaikan?

8. YB ENCIK LEOW THYE YIH (POKOK ASSAM)

Sektor kesihatan sering mengalami kekurangan peralatan perubatan. Sering mendapat aduan bahawa pesakit-pesakit bukan wabak covid tidak menerima penjagaan yang penuh kerana kekurangan peralatan dan bekalan perubatan kerana peralatan dan bekalan telah diutamakan kepada pesakit wabak covid.

- (a) Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk hospital-hospital di Negeri Perak untuk membeli peralatan perubatan tambahan?
- (b) Berapakah jumlah katil yang akan dirizabkan di setiap hospital dan klinik kesihatan khas untuk pesakit COVID-19 pada masa akan datang?
- (c) Sila nyatakan jumlah bekalan doktor yang berlebihan atau doktor kontrak yang terdapat di Malaysia dan negeri Perak pada tahun 2019, tahun 2020, dan tahun 2021

9. YB PUAN SALBIAH BINTI MOHAMED (TEMENGOR)

Berapakah jumlah pelaburan dan jumlah pelabur yang terpaksa menggulung tikar di Negeri Perak semenjak tercetusnya pandemik Covid-19 melanda negara? Apakah perancangan kerajaan Negeri dalam memastikan ekonomi negeri terus berkembang maju seterusnya menjadikan negeri Perak sebagai destinasi utama tarikan kepada pelabur-pelabur luar negara?

10. YB PUAN WONG MAY ING (PANTAI REMIS)

Tempat perlindungan sementara atau pusat transit harus diperbanyakkan bagi mengatasi isu keganasan domestik dalam negeri.

- (a) Nyatakan jumlah tempat perlindungan sementara atau pusat transit di Perak.
- (b) Bagaimana Pihak Berkuasa Negeri Perak dapat menambahbaik seluruh sistem tempat perlindungan sementara di negeri ini?
- (c) Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menempatkan mangsa keganasan rumah tangga di hotel sebagai langkah alternatif mengatasi isu kekurangan pusat transit

11. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Isu Dewan Tawas di Kg Tawas,Ipoh.

- (i) Sila jelaskan mengapa dewan ini dikunci dan tidak membenarkan orang ramai meletak kenderaan, terutama pada waktu pagi pasar berdekatan beroperasi?
- (ii) Sila jelaskan mengapa tiada kerja pembersihan dijalankan di dalam dan luar dewan mengikut jadual tetap hingga dewan ini kotor dan lalang bertumbuh?
- (iii) Sila jelaskan pihak mana yang kini bertanggungjawab menguruskan dewan ini?

12. YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZUMU (CHENDERIANG)

Projek Agrotani

Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan telah mensasarkan untuk melahirkan 1,000 usahawan agrotani melalui Projek Pemacu Agrotani Perak dan Skim Usahawan Agroprihatin dalam usaha memulihkan dan merancakkan semula aktiviti ekonomi

pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Di antara Projek Agrotani yang dicadangkan adalah pembangunan urban farming secara fertigasi bagi Kawasan 700 ekar bagi seluruh Negeri Perak dengan sasaran 140 usahawan

- (i) Apakah status semasa projek tersebut?
- (ii) Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan dan memperluaskan usaha tersebut?

13. YB ENCIK CHAW KAM FOON (*MENGLEMBU*)

Sila senaraikan permohonan pewartaan tanah rumah ibadat bukan Islam di DUN Menglembu yang telah diluluskan sejak tahun 2010 sehingga kini?

14. YB ENCIK HOEAR LEE CHUAN HOW (*PASIR PINJI*)

Terdapat banyak aduan berkenaan perkhidmatan bandar dan penyelenggaraan infrastruktur telah dilaporkan walaupun kadar pembangunan pada tahap yang memuaskan. Walaubagaimanapun, lebih menjadi parah, aduan-aduan tersebut tidak diendahkan kerana kerosakan-kerosakan tersebut tidaklah dibaikpulih, tidak menzahirkan maklum balas yang jelas dan pastinya, tiada tindakan susulan diambil. Berkenaan hal tersebut, apakah pandangan daripada pihak kerajaan Negeri Perak? Adakah pihak Kerajaan Negeri Perak menganjurkan mesyuarat bulanan yang melibatkan pihak-pihak PBT seperti Puncak Emas, barisan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, para penghulu kampung, dan mana-mana pihak yang berkenaan, untuk membincangkan masalah-masalah dan aduan-aduan yang diterima supaya ia lebih efisyen?

15. YB ENCIK KHAIRUDIN BIN ABU HANIPAH (*BLANJA*)

Program Vaksin Anakku (Murid Sekolah 12 hingga 17 Tahun) Serta Vaksin Warga Pendidik

Institusi pendidikan telah mula beroperasi pada awal November yang lalu.

- (a) Nyatakan peratus mengikut daerah bagi pelaksanaan Program Vaksin Anakku serta peratus warga pendidik yang telah menerima vaksin?
- (b) Berikan jumlah pelajar dan warga pendidik yang enggan menerima vaksin?
- (c) Senaraikan punca atau sebab mengapa masih terdapat pelajar dan warga pendidik yang enggan menerima vaksin?

16. YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (TEHING TINGGI)

Mohon kerajaan negeri memaklumkan status dan pendirian terkini berhubung dengan penjualan tanah bekas Istana Raja Muda di Teluk Intan?

17. YB ENCIK LEONG CHEOK KENG (MALIM NAWAR)

Anjing Liar

Anjing liar yang merayau-rayau merupakan suatu masalah di banyak tempat di Negeri Perak.

- (a) Adakah apa-apa cara yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut?
- (b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk memberikan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk melakukan program “neuter” ke atas anjing-anjing liar?
- (c) Apakah Standard Operating Procedure (“SOP”) kini yang terpakai kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk menangani masalah ini?
